## Kempen Kumpul & Menang
## Sempena Ulang Tahun Amanah Saham Bumiputera ("ASB") Ke 30 ("Kempen")

### Terma dan Syarat Kempen

### Kelayakan

1. Kempen in dianjurkan oleh Amanah Saham Nasional Berhad (No. Syarikat 197901003200 (47457-V)) ("ASNB").

2. Kempen ini bermula pada 00.00 jam (GMT + 8) 1 Ogos 2020 dan berakhir pada 23:59 jam (GMT + 8) 17 Disember 2020 ("Tempoh Kempen"). ASNB berhak untuk mengubah, menangguhkan, menjadualkan semula atau melanjutkan Tempoh Kempen atas budi bicara mutlaknya.

3. Kempen ini terbuka kepada pemegang unit ASB sedia ada dan baharu kecuali semua kakitangan dan keluarga terdekat kepada kakitangan Kumpulan Permodalan Nasional Berhad ("PNB") termasuk tetapi tidak terhad kepada kakitangan PNB, ASNB, Pelaburan Hartanah Nasional Berhad, PNB Merdeka Ventures Sdn. Berhad, PNB Research Institute Sdn. Berhad dan Attana Hotels & Resorts Sdn. Berhad.

4. Pemegang unit ASB sedia ada adalah pemegang unit berdaftar Akaun Dewasa dan/atau Akaun Remaja ("Akaun ASB") sebelum bermulanya Tempoh Kempen manakala pemegang unit baharu ASB adalah pelabur yang membuka Akaun ASB semasa Tempoh Kempen ("Peserta").

5. Untuk layak menyertai Kempen ini, Peserta mesti memenuhi syarat-syarat berikut:

   (i) Peserta mestilah membuat pelaburan minimum RM30 dalam tabung unit amanah ASB dalam Tempoh Kempen;

   (ii) Pelaburan adalah dalam bentuk tunai melalui platform pelaburan ("Platform") berikut:

      a. kaunter cawangan ASNB dan ejen-ejen ASNB
      b. myASNB iaitu portal (www.myasnb.com.my) dan aplikasi mudah alih
      c. perbankan internet ejen-ejen ASNB iaitu Maybank2u, CIMB Clicks, RHBNow, affinOnline dan HLB Connect
      d. mesin ATM Maybank
      e. Skim Potangan Gaji ("SPG") (Kerajaan dan syarikat swasta)
      f. Arahan Tetap melalui Maybank dan Bank Simpanan Nasional

6. Pelaburan untuk bulan Disember adalah untuk tempoh dari 1 Disember hingga 17 Disember 2020 iaitu tarikh akhir sebelum urus niaga ASB ditangguh sementara untuk tahun kewangan 2020.

**Mekanisma Kempen**

1. Apabila Peserta layak menyertai Kempen, Peserta akan memperoleh mata penyertaan (*Entries)* ("Penyertaan") yang mana setiap Penyertaan akan layak untuk cabutan rawak melalui sistem komputer yang dikendalikan oleh ASNB.

2. Peserta yang layak berhak untuk mengumpul Penyertaan sebanyak mungkin sepanjang Tempoh Kempen.

3. Bagi setiap pelaburan ASB dengan minimum RM30 yang dilakukan dalam Tempoh Kempen, akan melayakkan Peserta untuk memperolehi Penyertaan serta melayakkan diri untuk mengambil bahagian dalam cabutan Pemenang Kempen ("Pemenang") bagi memenangi hadiah yang ditawarkan.

4. Berikut adalah bilangan Penyertaan yang ditawarkan kepada Peserta untuk Kempen ini yang terdiri daripada TIGA (3) kategori, iaitu:-

**(i) Kategori Amaun Pelaburan**

(a) Kategori Amaun Pelaburan merupakan pra-syarat ke atas kelayakan menyertai Kempen oleh Peserta dan seterusnya untuk memperolehi Penyertaan ke atas dua lagi kategori iaitu Kategori Khas dan Kategori Tambahan.

(b) Bilangan Penyertaan yang ditawarkan mengikut amaun pelaburan seperti Jadual 1.

*Jadual 1*

| **Amaun Pelaburan** | **Penyertaan**<br><br>**(selain daripada myASNB)** | **Penyertaan melalui myASNB**<br><br>**(portal and aplikasi mudah alih)** |
|---|---|---|
| (1) Setiap RM30 amaun pelaburan | SATU (1) | TIGA (3) |
| (2) RM30,000 dan ke atas | 1,000 | 3,000 |

(c) Penyertaan untuk Kategori Amaun Pelaburan diperoleh oleh Peserta bagi setiap transaksi pelaburan yang layak dalam Tempoh Kempen.

(d) Pelaburan melalui myASNB portal dan aplikasi akan memperoleh Penyertaan 3 kali ganda.

(e) Penyertaan bulanan bagi Kategori Amaun Pelaburan akan dikumpul sehingga akhir Tempoh Kempen dan layak untuk memenangi Hadiah Utama.

Contoh I:
Peserta A membuat pelaburan ASB berjumlah RM130 di cawangan ASNB pada 4 Ogos 2020 dan RM1,000 melalui portal myASNB pada 25 Ogos 2020.

*Jadual 2*

| Tarikh | Amaun Pelaburan (RM) | Platform | Penyertaan Diperoleh |
|---|---|---|---|
| 4 Ogos 2020 | 130 | Cawangan ASNB | RM130 = 4 Penyertaan (Setiap RM30 = 1 Penyertaan) |
| 25 Ogos 2020 | 1,000 | myASNB | RM1,000 = 33 Penyertaan x 3 (3 kali ganda melalui myASNB)<br>= 99 Penyertaan |

Contoh II:
Peserta B membuat pelaburan di cawangan ejen, melalui myASNB dan mempunyai Skim Potongan Gaji ("SPG") ASB berjumlah RM500 setiap bulan.

*Jadual 3*

| Tarikh | Amaun Pelaburan (RM) | Platform | Penyertaan Diperoleh |
|---|---|---|---|
| 1 Ogos 2020 | 2,300 | Cawangan Maybank | RM2,300 = 76 Penyertaan (Setiap RM30 = 1 Penyertaan) |
| 15 Ogos 2020 | 1,000 | myASNB | RM1,000 = 33 Penyertaan x 3<br>(3 kali ganda melalui myASNB)<br>= 99 Penyertaan |
| 26 Ogos 2020 | 500 | SPG | RM500 = 16 Penyertaan (Setiap RM30 = 1 Penyertaan) |

**(ii) Kategori Khas**

(a) Terdapat TIGA (3) kriteria untuk Kategori Khas ("Kategori Khas") seperti berikut:

1) Peserta yang telah bersama ASB sejak tahun 1990 atau telah membuka Akaun ASB pada tahun 1990.

2) Peserta yang meraikan ulangtahun kelahiran ke-30 pada tahun ini atau Peserta yang lahir pada tahun 1990.

3) Transaksi ASB pada tarikh akhir bulan dalam Tempoh Kempen iaitu 30hb (September dan November) dan 31hb (Ogos dan Oktober).

(b) Jumlah Penyertaan untuk Kategori Khas adalah seperti Jadual 4 berikut:
(c)

*Jadual 4*

| Kriteria | Penyertaan | Ulasan |
|---|---|---|
| (1) Peserta yang merupakan pemegang unit ASB sejak tahun 1990 (membuka akaun ASB pada tahun 1990) | 30 | Penyertaan diperoleh ke atas setiap kali transaksi pelaburan oleh Peserta yang layak (pelaburan minimum RM30 dalam Tempoh Kempen) |
| (2) Peserta yang lahir pada tahun 1990 | 30 | |
| (3) Peserta yang membuat transaksi pada 30hb (September dan November) dan 31hb (Ogos dan Oktober) pada Tempoh Kempen | 30 | Penyertaan diperoleh pada setiap kali tarikh transaksi |

(d) Jumlah Penyertaan untuk Kategori Khas membolehkan Peserta mengumpul Penyertaan untuk Hadiah Bulanan dan Hadiah Khas.

(e) Penyertaan diperoleh daripada Kategori Khas akan dikumpul sehingga akhir Tempoh Kempen dan layak untuk memenangi Hadiah Utama.

**(iii) Kategori Tambahan**

(a) Kempen ini menawarkan Penyertaan untuk Kategori Tambahan seperti Jadual 5.

*Jadual 5*

| Kriteria | Penyertaan | Ulasan |
|---|---|---|
| (1) Peserta yang membuka akaun portal myASNB | 10 | Penyertaan diperoleh sekali sahaja (pada kali pertama Peserta membuat pelaburan minimum RM30 dalam Tempoh Kempen) |
| (2) Peserta yang lahir pada tahun 2020 | 3 | |
| (3) Peserta (akaun baru ASB) tahun 2020 | 3 | |
| (4) Peserta yang membuat transaksi pada tarikh 'Special Day', tarikh sehari sebelum dan sehari selepas 'Special Day' berikut:<br>31 Ogos: Hari Kemerdekaan<br>16 September: Hari Malaysia<br>10 Oktober: Hari Sukan Negara<br>20 November: Hari Kanak-kanak | 3 | Pernyertaan diperoleh apabila Peserta membuat pelaburan (minimum RM30) pada tarikh-tarikh 'Special Day', sehari sebelum dan sehari selepas tarikh 'Special Day' tersebut. |

(b) Jumlah Penyertaan diperoleh untuk Kategori Tambahan layak dikumpul untuk jumlah Penyertaan bagi Hadiah Bulanan.

(c) Penyertaan untuk Kategori Tambahan akan dikumpul sehingga akhir Tempoh Kempen dan layak untuk memenangi Hadiah Utama.

**Hadiah dan Pemilihan Pemenang**

1. Kempen ini menawarkan kategori Hadiah Bulanan, Hadiah Khas dan Hadiah Utama, seperti berikut.

a) <u>Hadiah Bulanan</u>

i) Peserta yang telah memperoleh bilangan Penyertaan daripada Kategori Amaun Pelaburan dan mana-mana DUA (2) lagi Kategori di atas.

ii) Jika Peserta membuat sebarang jualan balik untuk mana-mana bulan, Peserta tidak layak untuk pemilihan pemenang Kategori Keseluruhan bagi bulan tersebut tetapi Penyertaan yang diperoleh akan dikumpul sehingga akhir Tempoh Kempen.

iii) Peserta layak untuk memenangi maksimum DUA (2) kali Hadiah Bulanan dalam Tempoh Kempen.

iv) Pemenang Hadiah Bulanan akan dipilih secara rawak melalui sistem komputer yang dikendalikan pihak ASNB pada setiap bulan.

v) Hadiah Bulanan adalah seperti di Jadual 6:

*Jadual 6*

| Tempat | Bilangan Pemenang | Hadiah | Tempoh Kempen |
|---|---|---|---|
| Pertama | 30 Pemenang | RM1,030 | 5 bulan |
| Kedua | 250 Pemenang | RM530 | 5 bulan |
| Ketiga | 250 Pemenang | RM230 | 5 bulan |

b) <u>Hadiah Khas</u>

i) Peserta yang layak menyertai kempen dan memperoleh Penyertaan dari Kategori Khas dan tidak membuat sebarang jualan balik ASB pada bulan tersebut layak memenangi Hadiah Khas untuk bulan tersebut.

i) Peserta hanya layak memenangi SATU (1) kali Hadiah Khas dalam Tempoh Kempen.

ii) Pemenang Hadiah Khas akan dipilih secara rawak melalui sistem komputer yang dikendalikan oleh pihak ASNB untuk setiap SATU (1) dari ketiga-tiga kriteria dalam Kategori Khas iaitu:-

I. Peserta yang merupakan pemegang unit ASB sejak tahun 1990 (membuka akaun ASB pada tahun 1990)
II. Peserta yang lahir pada tahun 1990
III. Peserta yang membuat transaksi pada 30hb (September dan November) dan 31hb (Ogos dan Oktober) pada Tempoh Kempen

iii) Peserta yang telah memenangi Hadiah Khas, masih layak untuk memenangi Hadiah Bulanan pada bulan tersebut.

iv) Bilangan pemenang dan Hadiah Khas adalah seperti Jadual 7.

*Jadual 7*

| Kriteria | Bilangan Pemenang | Hadiah | Tempoh Kempen |
|---|---|---|---|
| I | 3 Pemenang | RM530 | 5 bulan |
| II | 3 Pemenang | RM530 | 5 bulan |
| III | 3 Pemenang | RM530 | 5 bulan |

ii) <u>Hadiah Utama</u>

a) Kelayakan untuk pemilihan pemenang bagi Hadiah Utama adalah seperti berikut:

1) Peserta mestilah mempunyai minimum 30 Penyertaan terkumpul pada akhir Tempoh Kempen untuk layak dalam pemilihan pemenang Hadiah Utama melalui cabutan rawak oleh sistem komputer yang dikendalikan oleh ASNB.

2) Peserta mesti mempunyai peningkatan ke atas jumlah pegangan pelaburan ASB iaitu dibandingkan pada tarikh akhir sebelum Kempen pada 30 Julai 2020 dengan pada 17 Disember 2020.

3) Jumlah Pemenang dan Hadiah Utama adalah seperti Jadual 8.

*Jadual 8*

| Tempat | Bilangan Pemenang | Hadiah |
|---|---|---|
| Pertama | 3 Pemenang | RM30,030 |
| Kedua | 3 Pemenang | RM20,030 |
| Ketiga | 3 Pemenang | RM10,030 |
| Saguhati | 30 Pemenang | RM3,030 |

2. Pemenang Hadiah Bulanan dan Hadiah Utama akan dipilih secara rawak melalui sistem cabutan berkomputer yang diuruskan oleh pihak ASNB.

3. Semua hadiah adalah dalam bentuk unit amanah ASB dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai. ASNB berhak menggantikan hadiah dalam bentuk unit amanah ASNB yang lain yang sama nilainya tertakluk kepada terma dan syarat kelayakan pelaburan ke atas Pemenang pada bila-bila masa atas budi bicara mutlaknya.

4. ASNB berhak untuk mengganti dengan hadiah lain yang sama nilainya pada bila-bila masa atas budi bicara mutlaknya.

5. Hadiah akan dikreditkan ke dalam akaun unit amanah Pemenang selepas TIGA (3) bulan dari Tempoh Kempen berakhir.

6. Senarai Pemenang akan dimaklumkan oleh pihak ASNB melalui mana-mana kaedah komunikasi yang bersesuaian dan akan disiarkan di laman web ASNB (www.asnb.com.my) atau platform media sosial yang diuruskan oleh ASNB.

## Contoh Bagaimana Memperoleh Mata Penyertaan dan Kelayakan Dalam Pemilihan Pemenang Kempen

Berikut diberikan contoh beberapa senario transaksi bagi kelayakan untuk mendapat Penyertaan ke atas pemilihan pemenang Hadiah Bulanan (Kategori Keseluruhan dan Kategori Khas) dan Hadiah Utama. Contoh adalah untuk transaksi sepanjang Tempoh Kempen dari 1 Ogos hingga 17 Disember 2020.Contoh I:

| Peserta Kempen | Jumlah ASB (pada 30 Julai 2020) | Senario Transaksi dalam Tempoh Kempen | Jumlah ASB (pada 17 Disember 2020) | Kelayakan Untuk Pemilihan Pemenang Hadiah Bulanan, Khas & Utama |
|---|---|---|---|---|
| **Peserta A**<br><br>(a) Amaun Pelaburan: Melebihi RM30<br>(b) Kategori Khas:<br>• Daftar ASB tahun 1990<br>• Melabur pada 31 Ogos<br>(c) Kategori Tambahan:<br>• Mendaftar myASNB | **RM20,000** | 1. Pelaburan tambahan di cawangan RHB sebanyak RM300 pada 1 Ogos 2020<br><br>Penyertaan:-<br>• Amaun pelaburan: 10 Penyertaan<br>• Kategori Khas (daftar ASB tahun 1990): 30 Penyertaan<br><br>2. Mendaftar myASNB pada 5 Ogos 2020<br><br>Penyertaan:-<br>• Mendaftar myASNB: 10 Penyertaan<br><br>3. Pelaburan Tambahan pada 31 Ogos 2020 sebanyak RM1,000 melalui myASNB<br><br>Penyertaan:-<br>• Amaun pelaburan: 33 x 3 (3 kali ganda melalui myASNB) = 99 Penyertaan<br>• Kategori Khas (daftar ASB tahun 1990) = 30 Penyertaan<br>• Melabur pada 31hb Ogos = 30 Penyertaan<br>• Melabur pada Hari Merdeka = 3 Penyertaan<br><br>**Jumlah Penyertaan Ogos = 212**<br><br>4. Jualan balik di ejen sebanyak RM500 pada 5 Oktober 2020<br><br>**Jumlah Penyertaan Terkumpul pada 17 Disember 2020 = 212** | **RM20,800** (peningkatan jumlah ASB) | Layak untuk:<br>1) Pemilihan pemenang Hadiah Bulanan untuk bulan Ogos (*tiada jualan balik*)<br>2) Pemilihan pemenang Hadiah Khas untuk bulan Ogos (*termasuk dalam Kategori Khas*)<br>3) Pemilihan pemenang Hadiah Utama (*jumlah Penyertaan terkumpul melebihi 30 dan ada peningkatan jumlah pegangan ASB*) |

Contoh II:

| Peserta Kempen | Jumlah ASB (pada 30 Julai 2020) | Senario Transaksi dalam Tempoh Kempen | Jumlah ASB (pada 17 Disember 2020) | Kelayakan Untuk Pemilihan Pemenang Hadiah Bulanan, Khas & Utama |
|---|---|---|---|---|
| **Peserta B**<br><br>a) Amaun Pelaburan: Melebihi RM30<br>b) Kategori Tambahan:<br>• Pemegang Unit Baharu ASB tahun 2020 | **RM0** | 1. Membuka akaun ASB di cawangan ASNB sebanyak RM3,000 pada 3 September 2020<br><br>Penyertaan:-<br>• Amaun pelaburan: 100 Penyertaan<br>• Kategori Tambahan (Pemegang unit baharu ASB): 3 Penyertaan<br><br>2. Jualan balik di ejen sebanyak RM800 pada 25 September 2020<br><br>**Jumlah Penyertaan Sept = 103**<br><br>**Jumlah Penyertaan Terkumpul pada 17 Disember 2020 = 103** | **RM2,200** (pertambahan jumlah ASB) | Layak untuk:<br>1) Pemilihan Pemenang Hadiah Utama (*jumlah Penyertaan terkumpul melebihi 30 dan jumlah pegangan ASB meningkat*)<br><br>Tidak Layak untuk:<br>1) Pemilihan pemenang Hadiah Bulanan untuk bulan September (*membuat jualan balik pada bulan September*) |

Contoh III:

| Peserta Kempen | Jumlah ASB (pada 30 Julai 2020) | Senario Transaksi dalam Tempoh Kempen | Jumlah ASB (pada 17 Disember 2020) | Kelayakan Untuk Pemilihan Pemenang Hadiah Bulanan, Khas & Utama |
|---|---|---|---|---|
| **Peserta C**<br><br>(a) Amaun Pelaburan: Melebihi RM30<br>(b) Kategori Khas:<br>• Lahir tahun 1990<br>(c) Kategori Tambahan:<br>• Mendaftar myASNB | **RM50,000** | 1. Pelaburan tambahan di cawangan BSN sebanyak RM5,000 pada 28 Ogos 2020<br><br>Penyertaan:-<br>• Amaun pelaburan: 166 Penyertaan<br>• Kategori Khas (lahir tahun 1990): 30 Penyertaan<br><br>**Jumlah Penyertaan Ogos = 196**<br><br>2. Pelaburan tambahan sebanyak RM500 melalui myASNB pada 10 Oktober 2020 | **RM46,500** (pengurangan jumlah ASB) | Layak untuk:<br>1) Pemilihan pemenang Hadiah Bulanan untuk bulan Ogos (tiada jualan balik bulan Ogos)<br>2) Pemilihan pemenang Hadiah Khas untuk bulan Ogos<br>3) Pemilihan pemenang Hadiah Bulanan untuk bulan Oktober (tiada jualan balik bulan Oktober) |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | Penyertaan:-<br>• Amaun pelaburan: 16 x 3 (3 kali ganda melalui myASNB) = 48 Penyertaan<br>• Kategori Khas (lahir tahun 1990): 30 Penyertaan<br><br>**Jumlah Penyertaan Oktober = 78**<br><br>3. Pelaburan Tambahan sebanyak RM1,000 melalui cawangan ASNB pada 2 November 2020<br><br>Penyertaan:-<br>• Amaun pelaburan: 33 Penyertaan<br>• Kategori Khas (lahir tahun 1990): 30 Penyertaan<br><br>**Jumlah Penyertaan November = 63**<br><br>4. Jualan balik di ejen sebanyak RM10,000 pada 23 November 2020<br><br>**Jumlah Penyertaan Terkumpul pada 17 Disember 2020 = 337** | | 4) Pemilihan pemenang Hadiah Khas untuk bulan Oktober<br><br>Tidak Layak untuk:<br>1) Pemilihan pemenang Hadiah Bulanan untuk bulan November (*terdapat jualan balik pada Nov*)<br>2) Pemilihan Pemenang Hadiah Utama (*pengurangan ke atas jumlah pegangan ASB pada 17 Dis*) |

## Lain-lain Terma dan Syarat

1. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta telah bersetuju dengan Terma dan Syarat Kempen ini. Keputusan ASNB, sebagai penganjur, adalah muktamad dan sebarang rayuan dan/atau pertikaian tidak akan dilayan.

2. Peserta juga bersetuju bahawa melalui penyertaan mereka di dalam Kempen ini, Peserta membenarkan ASNB dan ASNB berhak untuk menggunakan nama, butiran peribadi dan gambar pemenang untuk tujuan pemasaran, pengiklanan dan publisiti, menurut peruntukan perundangan berkaitan, tanpa membayar sebarang kos atau pampasan.

3. Semua pemenang Kempen ini bertanggungjawab ke atas segala cukai, kadar, fi atau sebarang bayaran yang mungkin dikenakan ke atas mereka menurut undang-undang berkaitan dengan hadiah-hadiah dan Kempen ini.

4. ASNB tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerosakan atau kerugian, samada secara langsung atau tidak langsung, yang berlaku berkaitan dengan Kempen ini. ASNB juga tidak boleh dipertanggungjawabkan jika berlaku sebarang kejadian bencana semula jadi,

peperangan, rusuhan, mogok, sekatan, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, pandemik, kegagalan teknikal atau sistem atau sebarang kejadian yang di luar kawalan ASNB.

5. ASNB berhak untuk meminda, memendekkan, membatal, menggantung atau menamatkan Kempen ini secara keseluruhan atau sebahagian atau untuk mengubah, memadam atau menambah mana-mana Terma dan Syarat pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis melalui www.asnb.com.my atau saluran media sosial ASNB.

6. ASNB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan atas sebarang kerugian yang ditanggung oleh Peserta yang berpunca secara langsung atau tidak langsung daripada penglibatan Peserta dalam Kempen ini.

7. Terma dan Syarat Kempen ini akan mengatasi mana-mana peruntukan atau kenyataan berkaitan Kempen ini yang terkandung dalam mana-mana bahan-bahan promosi samada bercetak atau elektronik.

8. Terma dan Syarat Kempen ini tertakluk pada undang-undang Malaysia.

9. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan atau konflik di antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu bagi Terma dan Syarat Kempen ini, versi Bahasa Inggeris akan terpakai.

# Kumpul & Menang Campaign
# In Conjunction with Amanah Saham Bumiputera ("ASB") 30th Anniversary Campaign ("Campaign")

## Terms and Conditions

### Eligibility

1. This Campaign is organized by Amanah Saham Nasional Berhad (Company No. 197901003200 (47457-V)) ("ASNB").

2. The Campaign shall commence from 00.00 hours (GMT + 8) on 1st August 2020 until 23:59 (GMT + 8) hours on 17th December 2020 ("Campaign Period"). ASNB, at its absolute discretion, reserves the right to vary, postpone, re-schedule or extend the Campaign Period.

3. This Campaign is open to all existing and new ASB unit holders with the exception of the employees and close family members of the employees of Permodalan Nasional Berhad ("PNB") group of companies including but not limited to PNB, ASNB, Pelaburan Hartanah Nasional Berhad, PNB Merdeka Ventures Sdn. Berhad, PNB Research Institute Sdn.Berhad and Attana Hotels & Resorts Sdn. Berhad.

4. Existing unit holders of ASB are those who have opened the Akaun Dewasa and/or Akaun Remaja ("ASB Account") before the Campaign Period meanwhile new unit holders of ASB are those who have opened the ASB Account during the Campaign Period ("Participants").

5. In order to be eligible to participate in this Campaign, a Participant must fulfil the following requirements:

   (i) The Participant must invest a minimum of RM30 in ASB during the Campaign Period.

   (ii) The Participant must have successfully invested in the form of cash investments via any of the following platform ("Platform"):

      a. Over-the-counter at ASNB's and its agents' branches
      b. myASNB ie via portal (www.myasnb.com.my) and/or mobile app
      c. internet banking of agents ie Maybank2u, CIMB Clicks, RHBNow, affinOnline and HLB Connect
      d. Maybank's ATM
      e. Skim Potongan Gaji ("SPG") (Government and private companies)
      f. Standing Instruction via Maybank and Bank Simpanan Nasional

6. Investment for the month of December 2020 will be for the period from 1st December until 17th December 2020 which is the last date before the temporary suspension of ASB for the financial year end.

**Campaign Mechanism**

1. When eligible to participate in this Campaign, Participants will earn points ("Entries") of which each Entry is entitled for random draw by a computerised system operated by ASNB.

2. Eligible Participant is entitled to collect as many Entries as possible during the Campaign Period.

3. For every investment in ASB of a minimum RM30 during the Campaign Period, Participants will earn Entries and be eligible to participate in the Campaign draw for selection of Campaign winners ("Winner") and to win prizes offered.

4. Followings are the number of Entries offered to the Participants which comprise of THREE (3) categories, namely:

   **(i) Investment Category**

   (a) Investment Category will be the pre-requisite for Campaign eligibility by Participants and subsequently to earn Entries for other TWO (2) categories namely the Special Category and Additional Category.

   (b) Entries will be earned according to the investment amount as per Table 1:

   *Table 1*

| Investment Amount | Entries (other than via myASNB channel) | Entries for investment via myASNB (portal and mobile app) |
|---|---|---|
| (1) Every RM30 | ONE (1) | THREE (3) |
| (2) RM30,000 and above | 1,000 | 3,000 |

   (c) Entries for the Investment Category will be earned by Participant for every eligible investment amount transacted during the Campaign Period.

   (d) Investment via portal and app myASNB will earn triple Entries.

   (e) Monthly Entries for Investment Category will be accumulated until the end of Campaign Period and eligible for Grand Prizes.

Example I:
Participant A invested RM130 in ASB at ASNB branch on 4 August 2020 and RM1,000 via myASNB portal on 25 August 2020.

*Table 2*

| Date | Investment Amount (RM) | Platform | Entries Earn |
|---|---|---|---|
| 4 August 2020 | 130 | ASNB branch | RM130 = 4 Entries (Every RM30 = 1 Entry) |
| 25 August 2020 | 1,000 | myASNB | RM1,000 = 33 Entries x 3 (triple Entries via myASNB) = 99 Entries |

Example II:
Participant B invested in ASB at ASNB agent branch, via myASNB portal and have monthly investment plan in ASB for RM500 via Skim Potongan Gaji ("SPG").

*Table 3*

| Date | Investment Amount (RM) | Platform | Entries Earn |
|---|---|---|---|
| 1 August 2020 | 2,300 | Maybank branch | RM2,300 = 76 Entries (Every RM30 = 1 Entry) |
| 15 August 2020 | 1,000 | myASNB | RM1,000 = 33 Entries x 3 (triple Entries via myASNB) = 99 Entries |
| 26 August 2020 | 500 | SPG | RM500 = 16 Entries (Every RM30 = 1 Entry) |

**(ii) Special Category**

(a) There are THREE (3) eligibility criterias of Entries for Special Category ("Special Category") as follows:

1) Participants who have invested in ASB for the last 30 years and above or have registered for ASB Account in 1990.

2) Participants who are celebrating their 30th birthday in 2020 or was born in 1990.

3) Invest in ASB on the last day of the month during the Campaign Period ie 30th (September and November) and 31st (August and October).

(b) Entries for the Special Category is as per Table 4:

*Table 4*

| Criteria | Entries | Remarks |
|---|---|---|
| (1) Participants who have invested in ASB for the last 30 years and above or have registered for ASB account in 1990 | 30 | Entries earn for every investment transaction by the eligible Participants (minimum investment of RM30 during Campaign Period) |
| (2) Participants was born in 1990 | 30 | |
| (3) Participants who invested on the 30th (September and November) and 31st (August and October) during the Campaign Period | 30 | Entries earn for every transaction on that date |

(c) Entries earned for Special Category are eligible for the Monthly Prizes and Special Prizes.

(d) Entries earned for Special Category will be accumulated until the end of Campaign Period.

**(iii) Additional Category**

(a) This Campaign offers Entries for Additional Category as per Table 5:

*Table 5*

| Criteria | Entries | Remarks |
|---|---|---|
| (1) Participants who register for myASNB portal account | 10 | Entries earn once only (for the first investment of minimum of RM30 during the Campaign Period by eligible Participant) |
| (2) Participants who were born in 2020 | 3 | |
| (3) Participants who register for ASB account in 2020 | 3 | |
| (4) Participants make ASB investment transaction on the Special Day, one day before and one day after the Special Day, as follows:<br>31 August: Hari Kemerdekaan<br>16 September: Hari Malaysia<br>10 October: Hari Sukan Negara<br>20 November: Hari Kanak-kanak | 3 | Entries earn when Participants make investment (minimum of RM30) on the Special Day, one day before and one day after these Special Days. |

(b) Entries earned for Additional Category are entitled to be accumulated for Monthly Prizes.

(c) Entries earned for Additional Category will be accumulated until the end of Campaign Period.

**Prizes and Winners Selection**

1. This Campaign offers Monthly Prizes, Special Prizes and Grand Prizes, details as follows:

a) Monthly Prizes

i) Participants are entitled to earn monthly Entries from Investment Category and any of the above TWO (2) categories.

ii) If Participant redeems in a particular month, he/she will be disqualified for the respective month's Monthly Prizes winner selection but his/her Entries will be accumulated until the end of the Campaign Period.

iii) Participant is eligible to win up to a maximum of TWO (2) times for the Monthly Prizes during the Campaign Period.

iv) Winners for Monthly Prizes will be selected randomly by a computerised draw system operated by ASNB every month.

v) Monthly Prizes are as in Table 6:

*Table 6*

| Place | No. of Winners | Prizes | Campaign Period |
|---|---|---|---|
| First | 30 Winners | RM1,030 | 5 months |
| Second | 250 Winners | RM530 | 5 months |
| Third | 250 Winners | RM230 | 5 months |

b) Special Prizes

i) Eligible Participants and earn Entries from the Special Category and has not perform any ASB redemption in that month, will be eligible for Special Prizes draw for that month.

ii) Participant is entitled to win only ONE (1) time for Special Prizes during Campaign Period.

iii) Winners for the Special Pprizes will be selected randomly every month by computerised system operated by ASNB for each ONE (1) criteria in Special Category as follows:

I. Participants who have invested in ASB for the last 30 years and above or have registered for ASB account in 1990

II. Participants was born in 1990

III. Participants who invested on the 30th (September and November) and 31st (August and October) during the Campaign Period

iv) Special Prizes winner is still eligible to win the Monthly Prizes for that month and Grand Prizes.

v) Number of winners and Special Prizes are as in Table 7:

*Table 7*

| Criteria | No. of Winners | Prizes | Campaign Period |
|---|---|---|---|
| I | 3 | RM530 | 5 months |
| II | 3 | RM530 | 5 months |
| III | 3 | RM530 | 5 months |

ii) <u>Grand Prizes</u>

a) Eligibility for the Grand Prizes winners selection are as follows:

1) Participants must have a minimum of 30 accumulated Entries at the end of Campaign Period to be eligible for the winners selection of the Grand Prizes through a computerized random draw system operated by ASNB.

2) Participants must have an increment in their ASB investment holding by comparing the last investment holding position on 31 July 2020 with at the end of Campaign Period on 17 December 2020.

3) Prizes and number of winners for the Grand Prizes are as Table 8:

*Table 8*

| Place | No. of Winners | Prizes |
|---|---|---|
| First | 3 winners | RM30,030 |
| Second | 3 winners | RM20,030 |
| Third | 3 winners | RM10,030 |
| Consolation | 30 winners | RM3,030 |

2. Monthly, Special and Grand Prize winners will be selected randomly by a computerised-draw system operated by ASNB.

3. Prizes are in the form of ASB units and not exchangeable for cash. ASNB reserves the right to change the prizes to units of the other ASNB unit trust fund(s) in the same value but subject to winners eligibility in investing in the said fund, at any time at its absolute discretion.

4. ASNB reserves the right to substitute the prizes with that of similar value at any time at its absolute discretion.

5. Prizes will be credited into the winners' unit trust account THREE (3) months after the Campaign Period ends.

6. List of Winners will be notified by ASNB through any suitable comumunication channels and will be published on ASNB website (www.asnb.com.my) or social media platforms owned by ASNB.

**Example On How To Earn Entries and Eligibility For Winner Selection**

Followings are few examples of scenarios of transactions to illustrate the eligibility of Entries and eligibility for Monthly Prizes, Special Prizes and Grand Prizes. All examples are for transactions during Campaign Period from 1 August 2020 to 17 December 2020.

Example I:

| Participant | ASB Holdings (on 31 July 2020) | Transaction Scenario During Campaign Period | ASB Holdings (on 17 December 2020) | Eligibility for Monthly, Special and Grand Prizes Winners Selection |
|---|---|---|---|---|
| **Participant A**<br><br>(a) Investment Amount: More than RM30<br>(b) Special Category:<br>• Registered ASB in 1990<br>• Invest on 31 August<br>(c) Additional Category:<br>• Register myASNB | **RM20,000** | 1. Additional investment of RM300 at RHB branch on 1 August 2020<br><br>Entries earn:-<br>• Investment Amount: 10 Entries<br>• Special Category (registered ASB in 1990): 30 Entries<br><br>2. Register myASNB on 5 August 2020<br><br>Entries earn:-<br>• Register myASNB: 10 Entries<br><br>3. Additional investment of RM1,000 on 31 August 2020 via myASNB<br><br>Entries earn:-<br>• Investment Amount: 33 x 3 (triple Entries via myASNB) = 99 Entries<br>• Special Category (registered ASB in 1990) = 30 Entries<br>• Invest on 31st of a month (31st August) = 30 Entries<br>• Invest on Special Day (Hari Merdeka) = 3 Entries<br><br>**Total Entries in August = 212**<br><br>4. Redemption of RM500 at ASNB agent branch on 5 October 2020<br><br>**Total accumulated Entries on 17 December 2020 = 212** | **RM20,800** (increment in ASB holdings) | Eligible for:<br>1) Monthly Prizes winner selection for August (*no redemption in August*)<br>2) Special Prizes winner selection for August (*included in Special Category*)<br>3) Grand Prizes winners selection (*accumulated more than 30 Entries and increment in ASB holdings*) |

Example II:

| Participant | ASB Holdings (on 31 July 2020) | Transaction Scenario During Campaign Period | ASB Holdings (on 17 December 2020) | Eligibility for Monthly, Special and Grand Prizes Winners Selection |
|---|---|---|---|---|
| **Participant B**<br><br>a) Investment Amount: More than RM30<br>b) Additional Category:<br>• New ASB unit holder in 2020 | **RM0** | 1. Register ASB account at ASNB branch with the amount of RM3,000 on 3 September 2020<br><br>Entries earn:-<br>• Investment Amount: 100 Entries<br>• Additional Category (new ASB unit holder in 2020): 3 Entries<br><br>2. Redemption of RM800 at ASNB's agent on 25 September 2020<br><br>**Total Entries for Sept = 103**<br><br>**Total accumulated Entries on 17 Dec 2020 = 103** | **RM2,200** (increment in ASB holdings) | Entitled for:<br>1) Grand Prizes winners selection (*accumulated more than 30 Entries and increment in ASB holdings*)<br><br>Not eligible for:<br>2) Monthly Prizes winner selection for September (*perform redemption in September*) |

Example III:

| Participant | ASB Holdings (on 31 July 2020) | Transaction Scenario During Campaign Period | ASB Holdings (on 17 December 2020) | Eligibility for Monthly, Special and Grand Prizes Winners Selection |
|---|---|---|---|---|
| **Participant C**<br><br>(a) Investment Amount: More than RM30<br>(b) Special Category:<br>• Born in 1990<br>(c) Additional Category:<br>• Register myASNB | **RM50,000** | 1. Additional investment of RM5,000 at BSN branch on 28 August 2020<br><br>Entries earn:-<br>• Investment Amount: 166 Entries<br>• Special Category (born in 1990): 30 Entries<br><br>**Total Entries for August = 196**<br><br>2. Additional investment of RM500 via myASNB on 10 October 2020<br><br>Entries earn:-<br>• Investment Amount: 16 x 3 (triple Entries via myASNB) | **RM46,500** (decrement in ASB holdings) | Entitled for:<br>1) Monthly Prizes winner selection for August (*no redemption in August*)<br>2) Special Prizes winner selection for August<br>3) Monthly Prizes winner selection for October (*no redemption in Oct*)<br>4) Special Prizes winner selection for October<br><br>Not eligible for: |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | = 48 Entries<br>• Special Category (born in 1990): 30 Entries<br><br>**Total Entries for October = 78**<br><br>3. Additional investment of RM1,000 at ASNB branch on 2 November 2020<br><br>Entries earn:-<br>• Investment Amount: 33 Entries<br>• Special Category (born in 1990): 30 Entries<br><br>**Total Entries for November = 63**<br><br>4. Redemption of RM10,000 at ASNB's agent branch on 23 November 2020<br><br>**Total accumulated Entries on 17 Dec 2020 = 337** | | 1) Monthly Prizes winner selection for November (*perform redemption in November*)<br>2) Grand Prizes winners selection (*decrease in ASB holdings*) |

## Other Terms and Conditions

1. Participants, by participating in this Campaign, agree to be bound by the Terms and Conditions herein. The decision of ASNB, as the organiser, is final and no appeals and/or disputes will be entertained.

2. Participants, by participating in this Campaign, allow ASNB and ASNB reserves the right to use the names, private details and photographs of the participants and/or winners, if any, for marketing, advertising and publicity purposes, in accordance with the requirement of the relevant laws, without any cost or compensation.

3. All winners of this Campaign shall be personally liable for all taxes, rates, government fees or any other charges that may be levied against them under the applicable laws in relation to the prizes and this Campaign.

4. To the fullest extent permitted by law, ASNB shall not be held liable for whatsoever loss or damages, whether directly or indirectly, howsoever arising in connection with this Campaign. ASNB shall not be liable for any default in respect of this Campaign due to any act of God, war, riot, strike, lockout, industrial action, fire, flood, drought, storm, pandemic, system and technical failure or any event beyond the reasonable control of ASNB.

5. ASNB reserves the right, at any time, to alter, shorten, cancel, suspend or terminate this Campaign earlier in whole or in part, or to vary, delete or add any of the Terms and Conditions herein by giving written notice via www.asnb.com.my or ASNB social media.

6. ASNB shall not be responsible or liable for any losses howsoever arising or suffered by the participant whether arising directly or indirectly from the participant's participation in the Campaign or otherwise.

7. The Terms and Conditions of this Campaign shall prevail over any provisions or representations contained in any promotional materials (including without limitation printed and electronic promotion materials) advertising the Campaign.

8. These Terms and Conditions shall be governed by the laws of Malaysia.

9. In the event of any discrepancies or conflict between the English version and the Bahasa Malaysia version of the Terms and Conditions, the English version shall prevail.